

Malaysia-Turki bina semula tamadun Islam

UM- 30/7/2019 m/s: 20



LAWATAN Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad ke Turki bertemu Presidennya, Recep Tayyip Erdogan baru-baru ini menarik perhatian semula kepada kerjasama negara-negara Islam untuk membina kembali kekuatan bagi menghadapi cabaran dunia semasa.


Dalam satu kenyataan, Perdana Menteri menyarankan satu kerjasama tiga negara melibatkan Malaysia, Turki dan Pakistan untuk 'membangunkan semula tamadun Islam'.

Saranan kerjasama yang diberikan adalah gambaran satu usaha besar antara tiga negara terbabit turut disebut melibatkan kerjasama ketenteraan yang Turki dan Pakistan sudah pun mulakannya tidak lama dulu.

Kerjasama antara tiga negara Islam ini boleh dilihat sebagai positif kerana ketiga-tiganya mempunyai kekuatan masing-masing sebagai negara yang majoriti Muslim, berkemampuan teknologi tinggi dan kecuali Pakistan, tidak dianggap sebagai negara Islam yang kuat terkait dengan penyebaran ekstremisme.

Turki sudah sedia dikenali sebagai negara yang maju teknologi ketenteraannya dan bekerjasama dengan sekutu rapatnya, Qatar untuk membangunkan lagi teknologi ini. Dua negara ini juga menjalin pakatan ketenteraan yang membolehkan Turki membina pangkalan tentera di negara Arab di Teluk Parsi itu.

Pakistan juga dikenali dengan kemajuannya dari segi sains dan teknologi iaitu



MALAYSIA dan Turki dikenali sebagai negara yang cemerlang dalam urus tadbir serta tidak berdepan cabaran kebergantungan kepada negara lain untuk keperluan ekonomi. - BERNAMA

melahirkan ramai saintis termasuk dalam bidang nuklear, yang menjadikannya sebuah negara tumpuan dalam bidang ini. Hasilnya, Pakistan kini muncul sebagai negara Islam yang mempunyai senjata nuklear.

Malaysia turut dikenali sebagai sebuah negara Islam contoh, yang sejurus peristiwa 11 September, 2001 di Amerika Syarikat (AS) pada masa Dr. Mahathir masih perdana menteri, kali pertama dianggap oleh kuasa Barat sebagai satu negara Islam dan sederhana serta demokratik. Malaysia dimunculkan sebagai sebuah model negara Islam moderat untuk menghadapi ancaman fahaman ekstrem.

Bagaimanapun, Islam yang dianggap moderat bukan satu-satunya boleh mencirikan negara-negara Islam yang maju ini. Malaysia dan Turki juga dikenali sebagai negara

yang cemerlang dalam urus tadbir, tidak berdepan cabaran terpaksa bergantung kepada negara lain untuk keperluan ekonomi.

Tetapi Pakistan sejak kemenangan Imran Khan sebagai perdana menteri dan kemunculan 'Pakistan baharu' masih dibelenggu masalah ekonomi hingga terpaksa bergantung kepada negara-negara seperti Arab Saudi dan China satu melalui projek infrastruktur mega dikenali *China-Pakistan Economic Corridor (CPEC)*, sebahagian projek global *Belt and Road*.

Malaysia, Turki dan Pakistan sememangnya mempunyai potensi untuk menggerakkan satu program membangunkan semula tamadun Islam. Tetapi satu cabaran utamanya ialah tafsiran mengenai Islam dan tamadun Islam yang memerlukan perincian dan

berpotensi juga mencetuskan perbezaan pandangan.

Turki sebagai sebuah negara berpengaruh dunia Islam dengan sejarah yang panjang, meletakkan keunggulan bangsa dan tamadunnya sebagai bahagian penting tamadun Islam, yang berbeza dengan pandangan dunia Arab terutamanya.

Malaysia pula kini dipimpin Dr. Mahathir yang mempunyai pandangan Islam yang sukar diselarikan dengan 'pandangan Islam arus perdana' di Malaysia.

Pakistan dikenali sebagai salah satu destinasi penting pengajian ilmu Islam di dunia dan menjadi destinasi ramai termasuk pelajar dari Malaysia. Bagaimanapun, Pakistan pada masa ini dibelenggu masalah dalaman terutama melibatkan kewangan dan dalam usaha membina semula kekuatan negara di bawah kerajaan

baharu. Selain menerima bantuan ratusan juta dari Arab Saudi, Pakistan ialah satu lokasi penting projek *Belt and Road* di kawasan kritikal yang membuka akses China kepada Lautan Hindi.

Seperti juga Turki, Pakistan bergantung kepada China dalam usaha mengimbangi tekanan AS, menyebabkannya sukar mengambil pendirian berhubung isu Uighur di Xinjiang yang dijadikan modal politik untuk mendesak negara Islam mengutuk China.

Turki pimpinan Erdogan juga berdepan isu geopolitik yang sukar akibat perkembangan sejak beberapa tahun lalu melibatkan Syria, negara jirannya yang dilanda konflik. Ankara kini semakin rapat dengan Rusia dan pada masa sama meneruskan projek pembangunan dengan China.

Akibatnya, Erdogan didakwa tidak lagi lantang membela Uighur di barat China, kaum dalam rumpun bangsa Turki yang kuat dibelanya semasa krisis 2009, menyifatkan tindakan China sebagai *genosid*.

Projek mega membina semula tamadun Islam mesti dimulakan dengan pemahaman yang jelas dan kerjasama secara mendalam negara-negara Islam sewajarnya melibatkan lebih banyak negara yang mempunyai kekuatan masing-masing, termasuk Iran.

Rancangan penyatuan dan kerjasama strategik yang lebih jelas sebenarnya sudah diketuai Turki sendiri dalam bentuk kerjasama kumpulan lapan negara membangun (D8).

PENULIS ialah penganalisis isu politik tanah air dan global serta bekas editor kanan *Harakah*.